

09/05/2001

PM arah setiap projek dilaksana ikut jadual

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Menteri, ketua jabatan dan agensi kerajaan diarah supaya mengawasi setiap projek yang dijalankan termasuk di kawasan terpencil, bagi memastikan pelaksanaannya lancar serta mengikut jadual.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pegawai pada peringkat bawahan terutama pegawai daerah pula perlu melaporkan setiap masa status pelaksanaan sesuatu projek melalui rangkaian komputer.

Beliau berkata, pemantauan dua hala itu adalah bagi memastikan setiap projek yang sudah diluluskan dapat dilaksanakan segera dan segala masalah ditangani sebaik mungkin bagi membantu merangsang ekonomi.

"Berbilion ringgit diperuntukkan kepada jabatan, tetapi tidak digunakan sehingga projek tengendala atas sebab tertentu. Kita nak peruntukan digunakan dari Januari hingga Disember dan sebarang kelewatan akan hanya meningkatkan kos pembangunan.

"Kalau sesuatu projek dijadualkan untuk tahun ini, ia harus dilaksanakan dan siap tahun ini juga," katanya ketika merasmikan persidangan pegawai daerah seluruh negara bagi tahun 2001 dan pelancaran arahan Nombor 1 2001 serta Sistem Pemantauan Projek II (PMS II), di sini hari ini.

Dr Mahathir kemudian mengadakan dialog tertutup dengan kira-kira 100 pegawai daerah, termasuk pegawai unit perancangan ekonomi negeri yang menghadiri sidang selama tiga hari itu.

Persidangan itu bertujuan membuat kajian keberkesanan mengenai dasar, strategi, program dan projek supaya selaras dengan pembangunan negara.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Dr Mahathir berkata, pemantauan rapi ini perlu supaya semua projek yang sudah dilulus dan diberi peruntukan dilaksanakan segera bagi mengelak masalah kelewatan.

Beliau berkata, pendekatan baru kerajaan melalui PMS II itu berfungsi sama seperti bilik gerakan sedia ada.

Oleh itu, katanya, pegawai tempatan seperti pegawai daerah memainkan peranan amat penting untuk memberi laporan mengenai status pelaksanaan projek kepada pihak atasan dalam kerajaan.

"Malangnya ada juga laporan yang tidak tepat apabila kita dapati pelaksanaan (projek) tidak sempurna sehinggalah ada lawatan orang kenamaan tertentu yang nampak jelas tar baru dibubuh di atas jalan.

"Kadang-kadang, orang ramai meminta menteri membuat lawatan, terutama Perdana Menteri kerana mereka percaya kalau Perdana Menteri membuat lawatan, jalan yang tak termasuk dalam perancangan pun akan ditarkan. Ini agak keterlaluan," katanya.

Dr Mahathir berkata, PMS II adalah bagi membolehkan kerajaan mengetahui status sesuatu projek, sama ada ia dilaksanakan mengikut jadual atau sebaliknya, dengan menggunakan rangkaian komputer.

Katanya, kadangkala sesuatu projek yang sudah diluluskan dengan diberi peruntukan, tetapi projek tidak berjalan.

Beliau berkata, ini kerana tiada laporan atau maklumat balas mengenai kemajuan sesuatu projek dan dengan adanya sistem baru ini kerajaan akan mendapat maklumat dengan serta-merta dan dapat mempersoalkan mengenai sesuatu kelewatan.

Katanya, melalui sistem itu maklumat dari peringkat daerah dapat diketahui Kerajaan Pusat dengan serta-merta, manakala pihak pejabat daerah pula dapat mengetahui sama ada sesuatu peruntukan sudah diluluskan atau

tidak serta mengetahui peringkat pembangunan pada peringkat pusat.

Dr Mahathir juga meminta pegawai daerah dan pegawai-pegawai pembangunan supaya mempercepat pembayaran untuk sesuatu projek dan jangan melengah-lengahkan sesuatu keputusan pembayaran.

Beliau juga berkata, pembangunan perlu dijalankan secara teratur dan menyarankan supaya setiap pegawai di peringkat daerah mempunyai manual prosedur kerja supaya kelewatan dapat dielakkan.

Katanya, kerajaan mahu supaya peruntukan tambahan RM3 bilion kepada belanjawan 2001 dibelanjakan dengan cepat.

"Cara kita membelanjakan wang ini dengan efisien akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kita ada kurang tujuh bulan untuk membelanjakan wang tambahan ini," katanya.

Dr Mahathir juga meminta pegawai daerah memahirkan diri dalam penggunaan komputer dan mengetahui hal urusan kewangan.

"Sistem komputer ini tidak akan berjaya jika pegawai yang di sebelah sana tidak memasukkan data yang diperlukan mengenai sesuatu projek ke dalam sistem komputer itu," katanya.

Arahan Nombor 1, 2001 yang menggantikan arahan Nombor 1, 1996 adalah satu jentera baru penyelarasan pembangunan. Jentera itu diperkukuhkan dengan PMS II.

(END)